

Headline	Kutip 1.5 tan sampah di Sungai Selangor		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	08 Dec 2017	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	37	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	432 cm ²
Journalist	MOHD. HUSSAIRY SIDEK	AdValue	RM 8,538
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,615



SUKARELAWAN menaiki sampan bagi mengutip sampah dalam Program Konservasi Sungai Selangor di Kampung Kuantan, Kuala Selangor, Selangor, baru-baru ini. - UTUSAN/MOHD. HUSSAIRY SIDEK

Kutip 1.5 tan sampah di Sungai Selangor

Oleh MOHD. HUSSAIRY SIDEK
kota@utusangroup.com.my

■ KUALA SELANGOR 7 DIS.

KIRA-KIRA 1.5 tan metrik sampah di Sungai Selangor berjaya dikumpul oleh kumpulan sukarelawan daripada pelbagai pertubuhan bukan kerajaan, agensi kerajaan, badan korporat serta institusi pengajian tinggi (IPT) menerusi pelaksanaan Program Konservasi Sungai Selangor sepanjang tahun ini.

Penyelaras Program Konservasi Sungai Selangor, Masbudi Abdul Malek berkata, program konservasi itu merupakan inisiatif yang dimulakan oleh pihaknya bagi memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai kepentingan memelihara alam sekitar menerusi kerja-kerja pembersihan sungai yang dijalankan se-

cara gotong-royong.

“Kita semua tahu bahawa Sungai Selangor ini merupakan antara sungai yang menjadi nadi penting kepada masyarakat negeri ini. Sungai ini jugalah tempatnya habitat semula jadi kepada kelip-kelip yang menjadi tarikan utama di Selangor ini.

“Justeru, Program Konservasi Sungai Selangor ini adalah bertepatan mahu memastikan khazanah alam di negeri ini terpelihara. Hasilnya, kita berjaya mengembelengkan lebih 100 sukarelawan daripada pelbagai pihak membersihkan sampah di Sungai Selangor menerusi 10 aktiviti sejak Januari lalu hingga ke hari ini, kita telah mengutip 1.5 tan metrik sampah dari sungai ini,” kata beliau ketika ditemui di Jeti Pusat Pelancongan Kelip-Kelip Kampung Kuantan, di sini baru-baru ini.

Terbaharu katanya, pihaknya turut mengadakan kerjasama dengan Persatuan Pendayung Kelip-Kelip Kampung Kuantan dan Fakulti Sains Universiti Malaysia (UM) mengutip 150 kilogram sampah di Sungai Selangor termasuk bahan yang tidak mudah terurai seperti polisterin, botol plastik dan sebagainya.

Kesemua sampah itu katanya, diasing terlebih dahulu sebelum dikitar semula atau dilupuskan.

“Kita berharap selepas ini orang ramai tidak lagi membuang sampah ke dalam Sungai Selangor. Jika pencemaran ini berterusan, ia sudah tentunya akan menyebabkan ekosistem sungai ini terjejas.

“Justeru, pada tahun 2018 kami akan terus bekerjasama dengan menarik lebih ramai penyertaan dari semua pihak sekaligus meningkatkan lagi kesedaran masyarakat,” ujarnya.